

KHAMIS
6/4/23
11-05 a.m

83- Kadang-kadang ma`na dan i`rāb berebut lafaz yang sama, pada ketika itu kesahihan ma`nalah yang harus diutamakan, I`rāb pula harus dita`wil demi menjaga kesahihan ma`na (yang telah jelas).	قَدْ يَتَجَادَبُ اللَّفْظَةُ الْوَاحِدَةُ الْمَعْنَى وَالْإِعْرَابُ، فَيَتَمَسَّكُ بِصِحَّةِ الْمَعْنَى وَيُؤَوَّلُ لِصِحَّتِهِ الْإِعْرَابُ.	قاعدة ٨٣
--	--	-----------------

Keterangan:

Kadang-kadang ada juga terdapat di dalam al-Qur'an, ma`na menghendaki sesuatu, sedangkan I`rāb pula tidak dapat menerimanya. Dalam keadaan ini, ma`na yang betul yang perlu diutamakan, kerana ialah yang asal. I`rāb pula perlu dita`wil dan dicari jalan yang bersesuaian untuknya dengan ma`na yang sah.

Contoh-contoh di bawah nanti diharap dapat membantu anda memahami qaedah ke-83 ini:

(1)

إِنَّهُ رَجِعَهُ لِقَادِرٌ ⑤ يَوْمَ تُبْلَى السَّرَائِرُ ⑥

Bermaksud: Sesungguhnya Allah Maha Kuasa untuk mengembalikannya (hidup semula sesudah mati), (8) Pada hari didedahkan segala yang terpendam di hati (berupa i`tiqad, niat, dan lain-lainnya), (9). (at-Thāriq: 8-9).

Maksud firman Allah ini ialah menyatakan bahawa Allah s.w.t. itu Maha Kuasa untuk menghidupkan semula manusia sesudah matinya di hari kiamat nanti. Perkataan يَوْمَ di dalam ayat ke-9 dikira sebagai zharaf bagi perkataan رَجَعَ dalam bentuk mashdar yang tersebut sebelumnya di dalam ayat ke-8. Cuma menurut qaedah I`rāb bahasa `Arab, tarkīb (konstruksi) seperti itu salah, disebabkan `aamil (رَجَعَ) terpisah daripada ma`mūlnya (يوم) oleh sesuatu yang asing iaitu لقادر.

Maka berdasarkan qaedah ke-83, di samping menjaga ma`na dan maksud yang betul bagi sesuatu

ayat, kedudukan i'rābnya juga harus diperbetulkan, agar sesuai dengan ma'na dan maksud ayat. Caranya ialah dengan menta'wilkan tarkīb itu dengan ta'wilan yang sesuai dengan ma'na dan maksud ayat yang telah betul dan tepat itu.

Sebagai contohnya ialah dengan mentaqdirkan sesuatu fi'il yang sesuai dengan perkataan رجع yang tersebut di dalam ayat ke-8 sebelum ayat ke-9 yang bermula dengan perkataan يوم. Lalu dikatakan begini misalnya:

إِنَّهُ رَجَعَهُ لِقَائِهِ فَرَجَعَهُ يَوْمَ تُبْلَى السَّرَائِرُ

Dengan mentaqdirkan begini bukan ma'na dan maksudnya sahaja yang betul, malah tarkīb Nahu dan I'rābnya juga tidak tergugat.

(2)

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا يُتَادَوْنَ لَمَقْتُ اللَّهِ أَكْبَرُ مِنْ مَقْتِكُمْ أَنْفُسَكُمْ إِذْ تُدْعَوْنَ إِلَى الْإِيمَانِ فَتَكْفُرُونَ ﴿١٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang kafir akan dipanggil dan dikatakan kepada mereka (pada hari kiamat): “Demi sesungguhnya! Kebencian Allah (kepada kamu) lebih besar daripada kebencian kamu kepada diri sendiri, (sebabnya kerana) semasa kamu diseru dan diajak (di dunia dahulu) supaya beriman, (kamu enggan dan menolak), lalu kamu terus berkeadaan kufur”. (Ghāfir:10).

Maksud firman Allah ini menghendaki perkataan إِذْ yang merupakan zharaf itu berta'alluq dengan perkataan مَقْتُ pertama di dalam ayat contoh kedua di atas. Ia merupakan mashdar dan `aamil. Masalahnya kalau begitu bererti `aamil (مقت) telah dipisahkan daripada ma'mūlnya (إِذْ) oleh sesuatu yang asing, dan ini adalah suatu tarkīb yang salah menurut ilmu Nahu dan I'rāb. Maka untuk menjaga ma'na yang sedia elok itu ditaqdirkanlah suatu tempat ta'alluq yang lain bagi إِذْ yang ditunjuki oleh perkataan مقت tadi. Lalu ditaqdirkan begini: ... مَقْتَكُمْ إِذْ تُدْعَوْنَ .

Ma'na sebenar firman Allah itu jika dinyatakan dalam binaan ayat biasa menurut tafsiran Mujāhid, Qatādah dan Ibnu Zaid adalah seperti berikut:

مَقْتُ اللَّهِ إِيَّاكُمْ فِي الدُّنْيَا إِذْ كُنْتُمْ تَدْعُونَ إِلَى الْإِيمَانِ فَتَكْفُرُونَ أَكْبَرُ مِنْ مَقْتِكُمْ أَنْفُسَكُمْ الْيَوْمَ

Bermaksud: Kebencian Allah terhadap kamu semasa di dunia dahulu ketika kamu diseru kepada iman lalu kamu mengkufurinya adalah lebih besar lagi daripada kebencian kamu terhadap diri sendiri

pada hari ini. (Lihat Tafsir Ibnu `Athiyyah al-Andalusi j.4 m/s 549).

(3)

أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِي الْقُبُورِ ۖ وَحُصِّلَ مَا فِي الصُّدُورِ ۖ إِنَّ رَبَّهُمْ بِهِمْ يَوْمَئِذٍ خَبِيرٌ ﴿٩﴾

Bermaksud: Maka apakah dia tidak mengetahui apabila dibangkitkan apa yang ada di dalam kubur, (9) dan dilahirkan apa yang ada di dalam dada, (10) Sesungguhnya Tuhan mereka pada hari itu Maha Mengetahui keadaan mereka. (11). (al-`Aadiyāt: 9-11).

Maksud dan ma`na firman Allah ini menghendaki perkataan إِذَا di dalam ayat ke-9 menjadi zharaf bagi perkataan خبير di akhir ayat ke-11. Ertinya ialah perkataan خبير itu menjadi `aamilnya. Ma`na yang terhasil daripadanya ialah: فَهُوَ خَبِيرٌ بِهِمْ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِي الْقُبُورِ وَحُصِّلَ مَا فِي الصُّدُورِ.

Tetapi itu adalah tarkīb (binaan ayat) yang salah menurut ilmu Nahu dan I`rāb. Sebabnya ialah apa yang tersebut selepas إِنَّ tidak boleh menjadi `aamil kepada apa yang tersebut sebelumnya. Perkataan خبير di akhir ayat ke-11 itu menjadi khabar bagi إِنَّ di permulaannya. Sedangkan perkataan إِذَا pula tersebut sebelum daripada إِنَّ lagi. Oleh kerana ma`nanya telah betul dan tepat, maka ditaqdirkanlah suatu `aamil sebelum perkataan إِذَا itu yang sesuai juga dengan ma`na خبير. `Aamil yang agak sesuai ditaqdirkan sebelum إِذَا ialah maf`ūl يعلم yang maḥdzūf, taqdirnya:

أَفَلَا يَعْلَمُ أَنَّا نَجَازِيهِ وَقْتُ بُعْثِرَ مَا فِي الْقُبُورِ وَحُصِّلَ مَا فِي الصُّدُورِ

Bermaksud: Apakah dia tidak mengetahui bahawa Kami akan membalasnya pada waktu dibangkitkan apa yang ada di dalam kubur dan dilahirkan apa yang ada di dalam dada?

Sementara firman Allah dalam ayat ke-11 iaitu إِنَّ رَبَّهُمْ بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌ pula dii`rābkan sebagai jumlah (ayat) ta`līl (yang menyatakan `illat) bagi `aamil إِذَا yang maḥdzūf tadi. Maka betullah ma`na ayat-ayat itu dan betullah juga i`rābnya, kedua-dua sekali.